

ULASAN PERUNDANGAN

SEKSYEN 17A AKTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA 2009

Shamsuddin Suhor
sudin@ukm.edu.my

Fakulti Undang-undang,
Universiti Kebangsaan Malaysia.

PENDAHULUAN

Perkataan “rasuah” tidak diberikan takrif atau maksud oleh Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] (ASPRM 2009) sebaliknya hanya dengan memperkenalkan perbuatan-perbuatan yang dikategorikan sebagai kesalahan rasuah. Ringkasnya perbuatan rasuah yang diperuntukkan di bawah ASPRM 2009 termasuklah kesalahan meminta atau menerima, memberi atau menawarkan suapan oleh mana-mana orang (s.16) atau ejen (s.17), kesalahan dengan maksud untuk memperdayakan prinsipal oleh ejen (18), dan kesalahan menggunakan jawatan atau kedudukan untuk suapan (s.23).

Rasuah melibatkan perilaku seperti memberi, menawarkan, meminta, menerima suapan, atau memperdayakan prinsipal untuk membuat tuntutan terhadap sesuatu perbelanjaan yang melibatkan kewangan atau penyalahgunaan kuasa bagi kepentingan sendiri. Rasuah merupakan perbuatan yang sengaja dilakukan dengan niat dan pengetahuan serta dalam keadaan sedar. Semua perbuatan rasuah melibatkan sama ada orang-orang persendirian, orang awam, kakitangan awam atau pihak swasta dan kesalahan ini bukan suatu perkara baharu dalam kehidupan manusia. Semua orang yang terlibat dengan perbuatan rasuah ada pengetahuan dan sedar bahawa perbuatan rasuah merupakan perbuatan salah. Mereka yang terlibat melakukannya dengan sengaja atas sebab tertentu, merancang untuk melakukannya dan sering cuba mengelak tanggungan jenayah dengan mengaku tidak bersalah apabila pertuduhan dibacakan terhadap mereka.

Rasuah secara umumnya berkisar mengenai perbuatan pihak-pihak tertentu sama ada yang memberi dan atau yang menawarkannya, iaitu ada pihak yang meminta dan atau ada pihak yang sanggup menerima. ASPRM 2009 kini telah memperluas skop kawalannya terhadap beberapa pihak

lain yang juga ada kaitan dengan rasuah yang selama ini tidak disentuh secara langsung oleh undang-undang. Peruntukan baharu, pindaan s.17A, yang dibawa masuk ke dalam ASPRM 2009 bertujuan mengemaskinikan dan meluaskan pemakaiannya terhadap golongan tertentu dalam sektor korporat.

SEKSYEN 17A AKTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA 2009

Rang Undang-Undang Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (Pindaan) 2018 telah dibentangkan bagi Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga di Dewan Rakyat pada 4 April 2018. Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk memasukkan peruntukan baharu antaranya s.17A. Dewan Rakyat tatkala itu dimaklumkan bahawa keutamaan untuk memasukkan seksyen 17A dalam ASPRM 2009 ini sememangnya sesuatu yang dijangka dan dinantikan pelaksanaannya dengan sasaran untuk menyuburkan amalan perniagaan dan komersial yang sihat dan bebas daripada rasuah seterusnya dapat meningkatkan persaingan yang setara dan adil dalam kalangan penggiat ekonomi di negara ini. Peruntukan yang dicadangkan ini diharapkan dapat memberikan keadilan kepada masyarakat dengan mempertanggungjawabkan kedua-dua pihak organisasi komersial dan juga orang-orang yang bersekutu dengan sesuatu organisasi komersial tersebut untuk sama-sama melaksanakan dan bertindak untuk mencegah dan menolak amalan rasuah.

Sekyen 17A memperuntukkan bahawa:

(1) Suatu organisasi komersial melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan organisasi komersial itu secara rasuah sama ada bagi faedah orang itu atau bagi faedah orang lain dengan niat –

- (a) Untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan bagi organisasi komersial itu; atau
- (b) Untuk memperoleh atau mengekalkan faedah dalam menjalankan perniagaan bagi organisasi komersial itu.

(2) Mana-mana organisasi komersial yang melakukan kesalahan di bawah seksyen ini apabila apabila disabitkan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan yang menjadi hal perkara kesalahan itu, jika suapan itu dapat dinilai atau berbentuk wang, atau satu juta ringgit, mengikut mana-mana yang lebih tinggi, atau

dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

(3) Jika sesuatu kesalahan dilakukan oleh organisasi komersial, seseorang –

(a) yang menjadi pengarah, pengawal, pegawai atau pekongsinya; atau

(b) yang terlibat dengan pengurusan hal ehwalnya,

pada masa kesalahan itu dilakukan, disifatkan telah melakukan kesalahan itu melainkan jika orang itu membuktikan bahawa kesalahan itu dilakukan tanpa keizinannya atau pembiarannya dan bahawa dia telah menjalankan segala usaha yang wajar dilakukannya untuk menghalang kesalahan itu dengan mengambil kira jenis fungsinya atau sifat itu dan kepada hak keadaan.

(4) Jika suatu organisasi komersial dipertuduh bagi kesalahan yang disebut dalam subseksyen (1), menjadi pembelaan bagi organisasi komersial itu untuk membuktikan bahawa organisasi komersial itu mempunyai tatacara yang mencukupi untuk menghalang orang yang bersekutu dengan organisasi komersial itu daripada melakukan perbuatan itu.

(5) Menteri hendaklah mengeluarkan garis panduan yang berhubung dengan tatacara yang disebut dalam subseksyen (4).

(6) Bagi maksud seksyen ini, seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia ialah seorang pengarah, pengkongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.

(7) Persoalan sama ada seseorang melakukan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial atau tidak hendaklah ditentukan dengan merujuk kepada semua hal keadaan yang berkaitan dan bukan hanya dengan merujuk kepada sifat hubungan antara dia dengan organisasi komersial itu.

(8) Bagi maksud seksyen ini, “organisasi komersial” ertinya-

- (a) suatu syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 [Akta 777] dan menjalankan perniagaan di Malaysia atau ditem[at lain;

- (b) suatu syarikat di mana jua diperbadankan dan menjalankan perniagaan atau sebahagian daripada perniagaan di Malaysia;
- (c) suatu perkongsian –
 - (i) di bawah Akta Perkongsian 1961 [Akta 135] dan menjalankan perniagaan di Malaysia atau di tempat lain; atau
 - (ii) yang meru[pakan perkongsian liability terhad yang didaftarkan di bawah Akta perkongsian Liabiliti Terhad 2012 [Akta 743] dan menjalankan perniagaan di Malaysia atau di tempat lain; atau
- (d) suatu perkongsian di mana jua ditubuhkan dan menjalankan perniagaan atau sebahagian daripada perniagaan di Malaysia.

Secara ringkas s.17A memperuntukan bahawa sebuah syarikat atau perkongsian dianggap melakukan rasuah jika perbuatan itu dilakukan dengan tujuan sama ada untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan bagi organisasi komersial itu; atau untuk memperoleh atau mengekalkan faedah ketika menjalankan perniagaan bagi organisasi komersial itu.

INTI PATI SEKSYEN 17A

Terdapat tiga perkara undang-undang yang perlu diberikan perhatian tentang s.17A iaitu:

- i. perbuatan yang dilakukan;
- ii. tujuan dilakukan; dan
- iii. hukuman yang dikenakan.

Perbuatan yang dilakukan merupakan rasuah, iaitu memberikan, bersetuju untuk memberikan, menjanjikan atau menawarkan kepada mana-mana orang apa-apa suapan. Suapan adalah seperti mana yang disebut dalam tafsiran s.3 ASPRM 2009. Perbuatan ini dilakukan oleh seseorang yang bersekutu dengan organisasi komersial. Dalam erti kata lain orang tersebut

ada kaitan dengan syarikat atau perkongsian sama ada pengarah, pengkongsi atau pekerja organisasi komersial atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu. Jika mana-mana orang berkenaan melakukan perbuatan tersebut maka suapan telah berlaku. Walau bagaimanapun suapan semata-mata bukanlah dengan sendirinya menjadi suatu kesalahan. Bagi membentuk suatu kesalahan, perbuatan mesti disertai dengan niat untuk melakukan kesalahan.

Niat sama ada jahat atau baik bergantung pada tujuan suatu perbuatan itu dilakukan. Maksudnya, perbuatan atau suapan itu dilakukan dengan tujuan atau sebab-sebab tertentu. Peruntukan s.17A(1) jelas menyebutkan bahawa jika seseorang yang bersekutu dengan organisasi komersial itu melakukannya dengan tujuan sama ada untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan bagi organisasi komersial itu; atau untuk memperoleh atau mengekalkan faedah ketika menjalankan perniagaan bagi organisasi komersial itu, maka syarikat atau perkongsian itu dikatakan telah melakukan kesalahan rasuah. Syarikat atau perkongsian itu berbuat demikian bagi mendapatkan sesuatu kepentingan kepada suatu syarikat atau perkongsian yang diwakilinya.

Jika sabit kesalahan, hukuman yang diperuntukkan jika seseorang organisasi komersial didapati bersalah ialah denda tidak kurang daripada 10 kali ganda nilai suapan atau RM1 juta, yang mana lebih tinggi atau penjara selama tempoh tidak melebihi 20 tahun atau kedua-duanya. Dalam hal ini sebuah organisasi komersial yang dimaksudkan itu ialah suatu syarikat atau perkongsian yang terlibat dengan kesalahan rasuah dan kesalahan syarikat atau perkongsian akan ditanggung oleh sama ada seorang pengarah, pengkongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu. Hal ini bermakna, ada orang-orang tertentu sama ada seorang atau beberapa orang yang ada kaitan dengan organisasi komersial berkenaan yang dihukum.

Perbuatan rasuah oleh suatu syarikat atau perkongsian akan ditanggung oleh mana-mana orang atau individu yang ada kaitan melakukan suapan berkenaan. Walau bagaimanapun s.17(4) memperuntukkan jika suatu organisasi komersial dipertuduh bagi kesalahan yang disebut dalam s.17(1), menjadi pembelaan bagi organisasi komersial itu untuk membuktikan bahawa organisasi komersial itu mempunyai tatacara yang mencukupi untuk menghalang orang yang bersekutu dengan organisasi komersial itu daripada melakukan perbuatan itu. Kerajaan akan menyediakan suatu garis panduan bagi maksud pembelaan ini.

KESIMPULAN

Seksyen 17A(1) meletakkan tanggungan jenayah terhadap organisasi komersial, iaitu sebuah syarikat atau perkongsian yang berdaftar di bawah Akta Syarikat 2016, Akta Perkongsian 1961 atau Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 yang menjalankan perniagaan di Malaysia atau di tempat lain serta organisasi yang didaftarkan di luar Malaysia namun menjalankan perniagaan di Malaysia. Selain organisasi komersial, orang bersekutu di bawah s.17A(6), sebagai contohnya pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi itu atau orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial turut dipersalahkan. Seterusnya s.17A(7) pula merujuk orang yang melaksanakan perkhidmatan bagi pihak organisasi komersial berkenaan juga boleh dikenakan tindakan. Cuma kedudukannya ditentukan dengan merujuk sifat hubungan antara individu itu dengan organisasi, sebagai contoh, orang tengah, pembekal, vendor dilantik yang ada kaitan dengan suatu syarikat atau perkongsian berkenaan. Seksyen 17A akan menutup ruang legar rasuah yang berlaku dalam dunia korporat di negara ini. Sungguhpun demikian ini tidak bermakna s.17A menutup segala-galanya kerana isu seterusnya adalah mengenai penguatkuasaan peruntukan ini.

RUJUKAN

Akta Perkongsian 1961

Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012

Akta Syarikat 2016

Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009

Rang Undang-Undang Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (Pindaan) 2018.